SOALAN SUBJEKTIF

1. Pernyataan di bawah merupakan teks biasa yang belum disulitkan kepada teks sifer. Ianya akan menggunakan salah satu kaedah penyulitan iaitu susunan abjad mengikut baris dan mengikut corak zig-zag. Kunci yang digunakan ialah 3.

SEMOGA BERTEMU LAGI

(a) Berdasarkan maklumat di atas, nyatakan kaedah sifer yang digunakan.

_____

(b) Tunjukkan cara menyulitkan pernyataan itu kepada teks sifer menggunakan kaedah sifer yang dinyatakan di (a).

Jawapan : _____

2. Lengkapkan rajah proses yang berlaku dalam kriptografi di bawah.



Nyatakan proses tersebut

(a) _____

(b) _____

(c) _____

3. Berikut merupakan satu mesej yang ingin dihantar oleh Ramli kepada rakan-rakan kelasnya.

PERJUMPAAN DI KANTIN SEKOLAH

Ramli hendak menghantar mesejnya secara sulit menggunakan Caesar Cipher mengikut penetapan berikut.

A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z
D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z	A	B	C

(a) Nyatakan kunci penyulitan yang digunakan oleh Ramli.

_____

(b) Sulitkan mesej Ramli di atas .

_____

(c) Ramli menerima mesej sifer daripada rakan sekelasnya. Mesej sifer ini disulitkan menggunakan kunci = 10.

WKKP DSNKU NKZKD RKNSB ZODKXQ SXS

Nyahsulitkan mesej tersebut.

_____

4. Cikgu Azman telah menyulitkan teks biasa kepada teks sifer untuk diberikan kepada murid-muridnya. Teks sifer dan kuncinya adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.

Teks Sifer : SEALNSUMMAAMCARYAAJMAKBAH

Kunci : BUNGA

(a) Berdasarkan maklumat di atas, nyatakan kaedah sifer yang digunakan.

_____

(b) Lengkapkan langkah-langkah untuk menyahsulitkan teks sifer di atas dan nyatakan teks biasa tersebut.

B	U	N	G	A

Jawapan : _____